



Noor  
Mohamad  
Shaki  
Hameed

Tindakan sembilan lelaki warga Australia yang memakai seluar dalam bercorak Jalur Gemilang ketika perlumbaan Grand Prix (GP) Formula 1 (F1) Malaysia di Litar Sepang baru-baru ini membuka mata kita betapa kita perlu memastikan kedudukan dan kedaulatan Jalur Gemilang terus terpelihara. Walaupun mereka sudah memohon maaf atas tindakan tidak senonoh dan biadab itu, namun kita tidak boleh membiarkan perkara sebegini berulang kembali pada masa akan datang.

Hakikatnya bendera lambang kebangsaan dan payung kedaulatan sesebuah negara yang bebas merdeka. Memiliki bendera sendiri membuktikan negara itu mempunyai kuasa dan kedaulatannya tersendiri. Justeru bendera wajar dilihat sebagai satu alat yang cukup signifikan dan penting dalam kita memartabatkan kedaulatan dan kemerdekaan yang dinikmati selama ini.

Jalur Gemilang tidak boleh dilihat sekadar sehelai kain yang dikibarkan untuk majlis atau program tertentu sahaja. Apatah lagi ia diperlekeh sesuka hati dan digunakan sebagai bahan gurauan seperti yang diperlakukan oleh warga Australia itu. Penulis secara peribadi cukup geram dan marah melihat gelagat mereka yang langsung tidak menghormati simbol kedaulatan negara kita dan juga sensitiviti masyarakat negara ini. Dan secara umumnya kita bertambah geram apabila pihak mahkamah membebaskan mereka tanpa sabitan selepas mengaku salah dengan memberikan amaran kepada mereka. Namun, penulis percaya kejadian ini mungkin ada hikmahnya tersendiri.

Pertama kejadian ini membuktikan betapa kita masih tidak mempunyai satu akta khusus bagi menghukum pesalah yang menghina dan memperlekeh Jalur Gemilang. Misalnya dalam kes ini semua mereka didakwa mengikut Seksyen 290 Kanun keseksaan kerana menyebabkan kacau ganggu yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM400



SEMBILAN  
warga Australia  
hina Jalur  
Gemilang  
didakwa  
di mahkamah

**HARIAN METRO**

dan bukannya atas akta atau peruntukan undang-undang menghina Jalur Gemilang.

Jelas wujud kelompongan yang ketara dalam hal ini yang sebenarnya boleh membawa kepada pelbagai kemudaratan pada masa hadapan jika ia tidak ditangani dengan segera. Kita berharap pihak kerajaan dapat meneliti kes ini sebagai contoh yang nyata untuk menggubal akta dan peruntukan undang-undang yang lebih khusus supaya perkara sebegini tidak berulang.

Perlu diingat sebelum ini sudah berlaku beberapa kejadian di mana rakyat kita sendiri memperlekeh dan menghina Jalur Gemilang, termasuk tindakan sesetengah pihak yang mahukan Jalur Gemilang ditukar dengan bendera lain. Ini menunjukkan rakyat kita sendiri masih ada yang kurang faham kepentingan Jalur Gemilang sebagai simbol kebangsaan negara dan kita tidak dapat mengambil sebarang tindakan ke atas mereka.

## Usah biar Jalur Gemilang dihina

Jalur Gemilang ada peranan dan fungsinya tersendiri. Perkara ini perlu dihayati dan difahami oleh setiap warga kita agar kita sentiasa menjaga kemuliannya dan juga bersedia untuk mempertahankannya. Antaranya, Jalur Gemilang adalah lambang patriotisme rakyat kepada negara. Itulah sebabnya setiap kali ketika menyambut ulang tahun kemerdekaan atau kebangsaan kita digalakkan untuk mengibarkan Jalur Gemilang. Malah jangan lupa kita juga diminta berdiri ketika Jalur Gemilang dinaikkan bagi mengiringi lagu "Negaraku". Jelas di sini bahawa Jalur Gemilang adalah lambang patriotisme yang cukup penting dan

simbolik kepada kita semua.

Jalur Gemilang juga lambang perpaduan rakyat kita. Jangan lupa walau kita berbeza ideologi dan pendapat mahupun berselisih faham tentang sesuatu perkara namun kita tetap bersatu dan bernaung di bawah satu payung yang besar dikenali Jalur Gemilang. Tidak kira Melayu, Cina, India mahupun kaum lain semuanya akur dan terima Jalur Gemilang sebagai jalur perpaduan rakyat Malaysia.

Penyatuan dan kesepaduan dalam kalangan 14 buah negeri yang membentuk Malaysia juga diterjemahkan melalui Jalur Gemilang di mana 14 jalur dalam Jalur Gemilang menunjukkan kesepakatan seluruh rakyat

dalam mempertahankan ibu pertiwi sebagai sebuah bangsa Malaysia. Semangat kenegerian dikorbankan demi Malaysia tercinta.

Jalur Gemilang juga bertindak sebagai lambang kemegahan seluruh rakyat Malaysia. Misalnya mana mungkin kita lupa detik ketika semua rakyat Malaysia menyaksikan Dr Sheikh Muszaphar Shukor menggenggam erat Jalur Gemilang semasa berada di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) yang jelas membuahakan perasaan bangga dan megah menjadi rakyat Malaysia. Malah ketika setiap kali atlet kita memenangi sesuatu kejuaraan bukankah kita begitu bangga dan bangun berdiri bersama-sama

menghormati kibaran Jalur Gemilang.

Malah perlu juga diingat pada zaman dahulu, bendera lebih dikenali sebagai panji-panji. Ketika berlaku pertempuran dan peperangan dan bertentang secara berhadapan anggota ketumbukan hadapan akan sentiasa menjulang dan mengibarkan panji-panji sebagai lambang maruah dan perjuangan. Ini sekaligus membuktikan betapa penting dan bernilainya bendera sebagai maruah sesebuah negara itu.

Malah jika kita menghayati maksud semua warna yang ada dalam Jalur Gemilang kita pasti akan merasai dan menjiwai semangat dan roh yang dibawa oleh Jalur Gemilang. Misalnya, warna merah melambangkan kesanggupan, keberanian, kegagahan dan kegigihan rakyat menghadapi segala cabaran. Warna putih pula melambangkan ketuhanan dan keikhlasan. Warna biru pula melambangkan perpaduan hidup yang rukun dan damai manakala warna





kuning melambangkan kesetiaan rakyat kepada Raja dan Negara. Malah nama 'Jalur Gemilang' itu sendiri melambangkan kecemerlangan negara dan rakyat Malaysia dalam mengharungi suasana kehidupan dengan penuh gigih, taat dan bersatu padu bagi menjaga nama dan menaikkan imej negara.

Justeru di samping kita berharap pihak kerajaan akan menggubal akta yang sewajarnya, apa yang lebih penting ialah perlu ada usaha berterusan untuk memupuk rasa hormat dan cinta rakyat kita kepada Jalur Gemilang. Kita perlu memastikan rakyat kita menghormati dan meletakkan Jalur Gemilang di kedudukan yang sewajarnya sebelum kita mahu orang luar menghormatinya. Tiada gunanya kita sibuk mahu menghukum orang luar tetapi ada segelintir rakyat kita sendiri yang masih berani memperlekeh, mempersenda dan tidak menghormati Jalur Gemilang bagai ketam mengajar anaknya berjalan.

**Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM**